

Hektar Reit unjur Wetex Parade raih pulangan bersih 7 peratus

HEKTAR Asset Management Sdn Bhd, pengurus Hektar Real Estate Investment Trust (Hektar Reit), menjangka pulangan hartanah bersih tujuh peratus daripada pengambilalihan Wetex Parade berharga RM117.5 juta, sebuah pembangunan runcitan bersepadu di Muar, Johor.

Wetex Parade ialah pusat beli-belah diterajui gedung serbaneka di Muar dengan 178,742 kaki persegi kawasan sewaan bersih, manakala Classic Hotel ialah hotel perniagaan terkemuka di bandar itu dengan 156 bilik.

"Oleh kerana kami berjanji kepada pelanggan kami, pemilikan pertama oleh Hektar Reit akan berkembang dengan pulangan dan dibiayai menggunakan hutang," kata Ketua Eksekutif Hektar Asset Management, Datuk Jaafar Abdul Hamid dalam satu kenyataan semalam.

"Ini adalah aset yang diperkukuhkan dengan rekod kejayaan yang padu. Wetex Parade didiami 95 peratus, dengan 60 peratus sewaan cukup teinpoah untuk diperbaharui pada ta-

hun ini."

Hartanah itu terletak di pusat daerah perniagaan Muar dan akan memberikan pulangan hartanah bersih permulaan, yang memberikan peningkatan pulangan kepada Hektar Reit.

Jaafar berkata, sewaan tahunan hotel itu meliputi kira-kira 2.7 peratus daripada ramalan pendapatan 2008 syarikat, justeru perniagaan Hektar Reit



Pemilikan pertama oleh Hektar Reit akan berkembang dengan pulangan dan dibiayai menggunakan hutang"

Jaafar Abdul Hamid
Ketua Eksekutif
Hektar Asset Management

kekal sebahagian besarnya dalam perniagaan runcitan.

Pemilikan baru itu akan meningkatkan saiz aset Hektar Reit sebanyak 21 peratus kepada RM679 juta dan meningkatkan keluasan saiz sebanyak 19 peratus kepada 1.1 juta kaki persegi.

Ia juga akan memberikan faedah dipelbagaikan kepada Hektar Reit dengan memberikan kemudahan akses ke pasaran Selangor dengan Subang Parade dan ke pasaran Melaka menerusi Mahkota Parade.

AmTrustee Bhd, pemegang amanah Hektar Reit, memeterai perjanjian jual beli bersyarat untuk mengambil alih hartanah berkenaan daripada Wetex Realty Sdn Bhd, sebuah kumpulan perniagaan tempatan dengan kepentingan dalam tekstil dan hartanah.

Pengambilalihan itu akan dibiayai menggunakan hutang, kata kenyataan itu.

Selain itu, perjanjian pajakan operasi 100 tahun telah dimeterai dengan Wetex Realty Sdn Bhd bagi Classic Hotel.

Urusan itu dijangka diselesaikan menjelang 1 Mei 2008.